



اَبُو سَيِّدِي تَكْوَلُو كَلِمَاتِي مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

SIARAN MEDIA

Untuk Terbitan Segera

KERJASAMA ANTARA BANK ISLAM DAN UiTM JANA KEUNTUNGAN RM20 JUTA BAGI DANA TABUNG ENDOWMEN DALAM TEMPOH LIMA TAHUN

SHAH ALAM, Rabu, [26 Februari 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") dan Universiti Teknologi MARA ("UiTM") hari ini terus memperkukuhkan jalinan usaha sama dengan membantu menjana keuntungan sebanyak RM20 juta daripada Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) - Khas selama lima tahun. Keuntungan yang dijana akan disalurkan kepada Tabung Endowmen Bank Islam-UiTM bagi menyediakan sumber dana ke arah usaha penyelidikan dan pembangunan ("R&D") khusus dalam bidang perbankan Islam.

Tabung Endowmen Bank Islam-UiTM juga bermatlamat untuk menjana sumber dana alternatif kepada universiti itu bagi menampung keperluan aktiviti mahasiswa dan kajian-kajian ilmiah akademik di institusi berkenaan.

Majlis simbolik jalinan usaha sama yang berlangsung di UiTM Shah Alam ini dihadiri oleh Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam dan YBhg Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim. Turut hadir, pengurusan tertinggi UiTM dan Bank Islam.

Encik Mohd Muazzam berkata, "Di Bank Islam, selain menjalankan operasi perbankan dan kewangan harian, amalan usaha sama dan tanggungjawab korporat adalah asas perniagaan kami. Pembangunan pendidikan anak-anak Malaysia adalah salah satu aspek yang sentiasa diberi perhatian kerana ia amat penting dalam melahirkan modal insan yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara."

"Kerjasama antara Bank Islam dan UiTM mula terjalin sejak tahun 1999 lagi. Jalinan ini terus bertambah kukuh dengan pembukaan cawangan Bank Islam di kampus UiTM Shah Alam pada Mei 2011 yang bertujuan memastikan perkhidmatan dan penyelesaian kewangan patuh Syariah dapat diterapkan dan dimanfaatkan mulai usia muda iaitu segmen golongan belia dan pelajar," jelas Encik Muazzam.

Prof Datuk Azraai berkata "sumbangan ini akan menyokong visi dan misi universiti dalam membantu perkembangan pelajar khususnya dari aspek pembelajaran, penyelidikan serta aktiviti mobiliti, yang secara langsung akan memberi impak kepada komuniti secara keseluruhan. ini adalah selari dengan Plan Strategik UiTM2025 yang telah dilancarkan pada 6hb Febuari 2020 lalu merangkumi 3 teras utama iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berorientasikan nilai.

“Pelan Strategik tersebut seterusnya akan memacu hasrat UiTM untuk menjadi sebuah Universiti Terkemuka Dunia dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan dalam tempoh lima tahun akan datang.” tambah Prof Datuk Azraai.

Bagi tempoh 2013 hingga 2019, Bank Islam telah mengagihkan zakat perniagaan berjumlah RM825,000 untuk UiTM bagi menyediakan bantuan kewangan dan pendidikan kepada mahasiswa daripada keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Bank Islam turut aktif dalam usaha-usaha memperkasakan budaya tanpa tunai; menggalakkan amalan kebajikan dan menyediakan sokongan pendidikan untuk jangka panjang. Antaranya inisiatif yang dijalankan adalah pelancaran kad debit jenama bersama iaitu Kad Debit-i Bank Islam Visa Alumni UiTM dan usaha pemeteraian perjanjian persefahaman dan sumbangan dana kepada Tabung Pendidikan 1Bilion (TP1B).

Selain itu, sejak 2004, Bank Islam juga menjadi penaja rasmi program Ekspo Reka Cipta, Inovasi dan Reka Bentuk (IIDEX) UiTM. Program ini menjadi platform awal bagi mahasiswa UiTM menonjolkan bakat mereka untuk menghasilkan produk berpotensi tinggi dan mesra alam yang boleh dikomersialkan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com & www.uitm.edu.my

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan masyarakat beragama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com, atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Mengenai UiTM

Sebagai universiti komprehensif terbesar di Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mempertingkatkan ketampakannya melalui kerjasama dengan universiti di seluruh dunia. Ia terus menyediakan akses kepada pendidikan tinggi, memainkan peranannya dalam membina negara dengan MENYERLAKKAN POTENSI, MEMBENTUK MASA HADAPAN.

Dalam menyediakan pendidikan inovatif di 35 kampus dan 26 fakulti di seluruh Malaysia, UiTM menawarkan lebih daripada 500 program akademik di peringkat Asasi, Pra-Diploma, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana, dan PhD, serta Program Profesional. Kini, UiTM adalah sebuah institusi pengajian tinggi terkemuka yang terbukti menjadi pilihan pelajar. Antara pencapaian terhebat, pada tahun 2020, UiTM menduduki tempat ke-119 dalam QS Asia University Ranking dan kedudukan 651-700 dalam QS World University Ranking, memenangi Anugerah Emas dalam kategori universiti awam Reader's Digest Trusted Brand 2019 dan 9 daripada subjeknya tersenarai dalam QS World University Ranking 2019.

Dengan lebih daripada 800,000 alumni dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan, UiTM menawarkan peluang dalam membentuk pemimpin di peringkat kebangsaan, industri dan global dalam mencapai aspirasi untuk menjadi sebuah UNIVERSITI TERKEMUKA DUNIA menjelang 2025.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad

Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
Bank Islam Malaysia Berhad
Tingkat 31, Menara Bank Islam
No. 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2782 1232
Tel.bimbit: 019-339 4491
Faks: 03-2781 2998
Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my
Web: www.bankislam.com

Omar Atin

Penolong Timbalan Presiden, Perhubungan Awam
BIMB Holdings Berhad
Tingkat 31, Menara Bank Islam
No. 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2781 2943
Tel. bimbit: 019-391 9144
Faks: 03-2781 2998
Emel: omar@bimbholdings.com
Web: www.bimbholdings.com

Puspa Marina Omar

Pengarah
Jabatan Komunikasi
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Tel: +03 5544 2022
Tel.bimbit: +6012 347 5083
Faks: +603 - 55442086
Emel: puspamarina@uitm.edu.my
Web: www.uitm.edu.my

Firdaus Abd Hanan

Koordinator Perhubungan Media
Jabatan Komunikasi
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Tel: +03 5544 2066
Tel.bimbit: +6012 2048507
Faks: +603 - 55442086
Emel: firdaushanan@uitm.edu.my
Web: www.uitm.edu.my